

15 SEP 2002

Muhyiddin-Pembangkang/I

BELANJAWAN OLEH PEMBANGKANG MENGHINA PARLIMEN, KATA MUHYIDDIN

KUALA LUMPUR, 15 Sept (Bernama) -- Belanjawan alternatif 2003 yang dijangka dibentangkan oleh barisan pembangkang minggu ini merupakan satu penghinaan terhadap Parlimen dan tidak lebih daripada gimik politik, kata Naib Presiden Umno Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin hari ini.

Pembentangan belanjawan itu melanggar peraturan kerana ia tidak diperuntukkan dalam mana-mana peraturan atau undang-undang Parlimen.

"Ini memperlihatkan sikap angkuh mereka (parti pembangkang), mereka fikir mereka sudah cukup kuat untuk menubuhkan kerajaan akan datang, ia merupakan tindakan tidak bertanggungjawab yang dilakukan tanpa menghormati badan penggubal undang-undang tertinggi di negara ini," kata beliau.

Muhyiddin yang juga Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna berkata demikian selepas merasmikan Hari Keluarga Kementerian di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia di sini.

Beliau menasihati parti pembangkang supaya jangan memperkecilkan Belanjawan Negara 2003 yang akan dibentangkan oleh Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 20 Sept di Parlimen dengan membentangkan belanjawan mereka.

"Rakyat tidak akan terpedaya dengan gimik terbaru mereka ini, ia merupakan satu lagi percubaan untuk menjatuhkan maruah kerajaan Barisan Nasional (BN)," kata Muhyiddin.

Barisan pembangkang yang terdiri daripada Pas, Keadilan dan Parti Rakyat Malaysia mengumumkan akan membentangkan belanjawan negara mereka minggu ini sebelum Belanjawan Negara 2003.

Muhyiddin berkata pembangkang ingin menunjukkan kononnya semua langkah yang diambil oleh kerajaan selama ini untuk memperkukuhkan ekonomi negara dan meninggikan taraf hidup rakyat tidak mencapai sasarannya.

Beliau berkata apa yang pasti, dalam belanjawannya, pembangkang akan mendakwa langkah fiskal yang diambil oleh kerajaan bagi memulihkan ekonomi negara tidak menepati kehendak Islam dan merupakan satu pembaziran.

"Mereka juga akan berkata belanjawan mereka bertujuaan membantu rakyat tetapi pada hakikatnya, mereka hanya membuang masa sahaja...mereka boleh membahaskan Belanjawan Negara, memberikan kepada kita maklumat balas yang baik atau membuat kritikan, dan kita tahu mereka sedar tentang perkara ini tetapi sengaja ingin memperkecilkan Belanjawan Negara yang akan dibentangkan oleh Dr Mahathir," katanya.

Beliau berkata kerajaan tidak perlu menunjukkan sebarang bukti kepada pembangkang kerana memang sudah jelas kerajaan telah berusaha sedaya upaya untuk merangsang pertumbuhan ekonomi negara dan memberi bantuan kepada rakyat.

"Saya tidak tahu apa niat mereka (parti pembangkang) tetapi saya harap rakyat tidak akan tertipu dengan gimik ini," katanya.

Mengulas keputusan Dr Mahathir untuk tidak lagi bertanding pada pilihan raya umum akan datang, Muhyiddin berkata semua pihak patut menghormati keputusan Perdana Menteri berhubung perkara itu.

Dalam pengumumannya di Kedah Jumaat lepas, Dr Mahathir berkata beliau tidak akan bertanding bagi kerusi Parlimen Kubang Pasu pada pilihan raya umum akan datang berikutan keputusannya untuk melepaskan semua jawatan dalam kerajaan dan parti Oktober tahun depan.

Bagaimanapun Dr Mahathir berkata beliau akan terus bekerja keras bagi menjamin kemenangan BN dalam pilihan raya itu yang dijadualkan berlangsung dalam tempoh dua tahun dari sekarang.

-- BERNAMA
SR AZZ SP PR